

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING
(KULAI)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 01.11.2016

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil yang dikutip/subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan apabila harga yang ditetapkan lebih rendah/lebih tinggi daripada harga harian mengikut formula Kerajaan sejak Disember 2014.

JAWAPAN

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan harga runcit RON97, RON95 dan diesel dibuat berdasarkan kepada harga pasaran dengan menggunakan kaedah pengapungan terkawal (*managed float*

mechanism) yang telah dilaksanakan sejak 1 Disember 2014. Berdasarkan kaedah ini, harga purata produk petroleum bagi bulan sebelumnya akan digunakan bagi menentukan harga runcit pada bulan berikutnya. Pada ketika ini, penetapan harga runcit produk petroleum dibuat berdasarkan kepada paras yang selaras dengan harga pasaran semasa di mana tiada elemen subsidi mahupun lebihan dijangkakan akan berlaku. Walau bagaimanapun, memandangkan harga produk ini sering mengalami peningkatan dan penurunan mengikut trend harian, maka elemen subsidi atau lebihan tetap akan berlaku di penghujung bulan disebabkan oleh pergerakan harga pasaran bulan semasa berbanding harga runcit yang telah ditetapkan.

Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2016, jumlah subsidi petrol dan diesel yang telah dibayar adalah sebanyak RM810 juta (tidak termasuk subsidi LPG berjumlah RM633 juta) manakala jumlah lebihan yang diterima adalah sebanyak RM710 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ (PASIR MAS)**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN : 47

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan dan peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan bagi meningkatkan keselamatan pengangkutan komersial dan awam khususnya bagi mengelakkan berlakunya kemalangan di jalanraya

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa memberi keutamaan dalam mengekalkan sistem pengurusan pemandu kenderaan komersial terutamanya kenderaan perkhidmatan awam supaya berada ditahap yang terbaik. Sebagai langkah kawalan penguatkuasaan, JPJ sentiasa membuat pemeriksaan teknikal di Depoh dan Terminal Bas bagi memastikan keselamatan penumpang yang menggunakan kenderaan perkhidmatan awam sentiasa terjamin.

Bagi memastikan kenderaan komersial dan perkhidmatan awam yang berada di jalan raya diselenggara dengan baik, kenderaan tersebut perlu lulus pemeriksaan berkala yang diwajibkan sebanyak 2 kali setahun di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM). Pemandu kenderaan perkhidmatan awam juga adalah diwajibkan untuk memohon dan memiliki lesen *Public Service Vehicle (PSV)* dan *Good Driving Licence (GDL)* bagi memastikan pemandu tersebut adalah kompeten semasa memandu kenderaan perkhidmatan komersial dan perkhidmatan awam.

Di samping itu, Kerajaan juga telah mewajibkan pengusaha pengangkutan untuk mengamalkan pengurusan Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran (SHE). SHE merupakan satu amalan yang diadaptasi daripada Standard Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang diterbitkan oleh Jabatan Standard Malaysia (MS:1722) dan disesuaikan untuk kegunaan industri pengangkutan. Amalan ini memperkenalkan konsep penambahbaikan yang berterusan iaitu konsep yang menerapkan peningkatan yang berterusan secara langkah demi langkah ke arah kesempurnaan.

Tuan Yang di-Pertua

Program *Safety Star Grading* (SSG) juga telah diperkenalkan pada tahun 2013 oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan operasi syarikat bas komersil. Program SSG diadakan bertujuan untuk memberi penarafan bintang ke atas syarikat bas yang layak serta memenuhi kriteria keselamatan yang telah ditetapkan.

Selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 - 2020, elemen penguatkuasaan dan pendidikan telah ditambahbaik dari semasa ke semasa mengambilkira maklumbalas daripada *stakeholders* berkaitan dan pendekatan yang digunakan di negara-negara luar dalam menangani isu kemalangan jalan raya. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan meneruskan dan memperluaskan pelaksanaan *Automated Awareness Safety System* (AwAS) sedia ada bagi memastikan penguatkuasaan lalu lintas dapat dijalankan secara berterusan (24 jam sehari) dan meningkatkan *Perception of Being Caught* (POBC) ke tahap yang lebih tinggi dan sekaligus mengubah tingkah laku pemandu. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan memastikan pengguna jalan raya termasuk pemandu kenderaan komersial dan perkhidmatan awam tidak mengulangi kesalahan lalu lintas, Sistem Mata Demerit akan dilaksanakan semula dalam masa yang terdekat setelah aspek perundangan dan pelaksanaan didapati teratur.